

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang Akademik 1993/94

April 1994

ZSE 262/3 - Geologi II

Masa : [3 jam]

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi DUA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini. Jawab EMPAT soalan sahaja. Kesemuanya wajib dijawab di dalam Bahasa Malaysia.

- 1.(a) Bandingkan ciri-ciri yang membezakan antara peringkat sungai muda, matang dan tua. (40/100)
- (b) Tulis karangan ringkas mengenai:
  - [i] bentuk saliran sungai ranting, jejala, bersirat, siku-siku dan jejari (15/100)
  - [ii] pasang-surut (15/100)
  - [iii] pergerakan minyak (15/100)
  - [iv] mendapan loess (15/100)
2. Huraikan mengenai proses-proses hakisan dan mendapan yang disebabkan oleh ombak lautan. Lakarkan ciri-ciri morfologi yang berbentuk daripadanya. (100/100)
- 3.(a) Bincang mengenai perangkap minyak jenis struktur dan jenis stratigrafi. (50/100)
- (b) Lukis keratan rentas sebuah 'takungan minyak' yang dibentuk oleh perangkap sesar dalam jujukan batu enapan yang miring secara landai. (15/100)
- (c) Bincang mengenai Lembangan Melayu. (35/100)
4. Huraikan peristiwa geologi di Semenanjung Malaysia pada zaman Paleozoik Atas dan Paleozoik Bawah. (100/100)

- 2 -

- 5.(a) Bincang mengenai konsep tektonik keping. Jelaskan juga beberapa cadangan oleh ahli geologi mengenai teori-teori orogeni. (50/100)
- (b) Jelaskan kaitan antara jenis bijih dan sempadan keping litosfera. (25/100)
- (c) Jelaskan mekanisme pergerakan keping litosfera. (25/100)
- 6.(a) Bincang mengenai pembentukan bijih-bijih pengasingan magma dan enapan. (70/100)
- (b) Bincang mengenai beberapa ciri pengelasan longgokan bijih. (30/100)

- oooOooo -